

**PELAPORAN BULANAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)  
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MEKANIKAL (FKTM)  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**

**PELAPORAN BULAN : FEBRUARI 2024**

**PELAPORAN KEMALANGAN:**

| No. | JENIS KEMALANGAN                 | BILANGAN |
|-----|----------------------------------|----------|
| 1   | KEMALANGAN MELIBATKAN MANGSA     | 0        |
| 2   | KEMALANGAN NYARIS (NEAR MISS)    | 0        |
| 3   | KEROSAKAN HARTA BENDA            | 1        |
| 4   | KERACUNAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN | 0        |

**PUNCA KEMALANGAN (JIKA ADA):**

Pada 23 Februari 2024, satu kejadian kebakaran telah berlaku di bilik pensyarah FKTM di aras 3 bangunan berwarna ungu di zon C4 yang mana pengurusan pasukan tindak balas kecemasan di bawah seliaan JPKPKP FKTM. Kebakaran dilaporkan sekitar jam 3 petang. Menurut pensyarah yang ditugaskan di bilik pensyarah tersebut, dia mendapati unit penyaman dingin dalaman di biliknya terkeluar asap selepas dia menikmati makanan petang selepas mesyuarat majlis peperiksaan yang tamat lambat. Dengan serta-merta, dia telah mematikan punca bekalan elektrik kepada unit penyaman dingin. Semasa dia melakukan laporan kerosakan, didapati api telah mula merebak. Akibat daripada jeritan kebakaran, satu laporan telah disampaikan kepada komander insiden di zon C4. Prosedur tindakan pengungsian bangunan telah diaktifkan. Siasatan forensic bomba masih dijalankan.

**AUDIT PEMANTAUAN KKP PTJ:**

TARIKH : 5 & 22 Februari 2024

| No. | SKOP AUDIT                   | TANDA |
|-----|------------------------------|-------|
| 1   | SISTEM PENGURUSAN KKP        | X     |
| 2   | KESELAMATAN BANGUNAN         | X     |
| 3   | PENGURUSAN BAHAN KIMIA       | -     |
| 4   | PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL | -     |
| 5   | KESELAMATAN MEKANIKAL        | X     |
| 6   | KESELAMATAN SINARAN          | -     |
| 7   | KESELAMATAN BIOLOGI          | -     |

**RINGKASAN LAPORAN AUDIT PEMANTAUAN KKP:**

- Pemeriksaan pemeriksaan ini adalah difokuskan kepada makmal-makmal yang masih belum diselesaikan semasa Januari 2024. Data pemeriksaan ini bakal dibentangkan dalam mesyuarat JPKPKP FKTM bil.1 tahun 2024.

**PELAPORAN BULANAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)  
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MEKANIKAL (FKTM)  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**

**PROGRAM DAN KURSUS/ LATIHAN KOMPETENSI:**


| No. | PROGRAM | BUTIRAN                              |
|-----|---------|--------------------------------------|
| 1   | KURSUS  | Kursus Asas Pengurusan KKP di UniMAP |
| 2   | LATIHAN | - TIADA -                            |

**PENILAIAN PENGURUSAN:**

**CADANGAN/ USUL/ ISU**

Kerugian kebakaran dapat dikurangkan atas usaha pasukan pemadam dan penyelamat, ERT yang berjaya melawan sampai memadamkan api sebelum ketibaan pihak bomba. Kejadian kebakaran ini telah menggunakan 3 tong pemadam api serbuk ABC bersaiz 9kg dan hose air. Akan tetapi, ahli-ahli pasukan pemadam dan penyelamat, ERT ini tidak dilengkapi dengan sebarang peralatan PPE atas sebab PPE tidak disediakan buat masa sekarang. Asap hitam yang tebal akan mengancam kesihatan dan keselamatan ahli-ahli pasukan pemadam dan penyelamat yang berhadapan dengan api. Tanpa PPE yang sesuai mungkin akan mengancam nyawa ahli-ahli pasukan pemadam dan penyelamat. Disarankan kepada pihak pengurusan tertinggi universiti untuk mempertimbangkan penyediaan sekurang-kurangnya satu atau dua set PPE lengkap di setiap zon untuk mengatasi kemungkinan kejadian kebakaran pada masa hadapan. Disebabkan kekangan peruntukan kewangan ke pihak fakulti terutamanya untuk pengurusan KKP, mohon persediaan PPE baharu ini ditanggung oleh kewangan universiti memandangkan keberkesanan api dipadam dapat membantu untuk mengurangkan kerugian universiti.

Disediakan oleh:



.....  
Ts. Dr. Tan Wee Choon  
Pengurus JKPP-FKTM,  
UniMAP.

# LAMPIRAN

